

17/09/2000

Umno pastikan hak Melayu tidak dicabar

KOTA BHARU: Mana-mana pihak termasuk pembangkang yang menyokong hak keistimewaan orang Melayu dihapuskan, bermakna mereka mencabar hak orang Islam.

Sehubungan itu, Umno akan memastikan hak keistimewaan orang Melayu dipertahankan mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan tanpa diganggu gugat.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, semua pihak termasuk pembangkang perlu sedar, mengikut pengertian seperti termaktub dalam perlembagaan, apabila disebut hak Melayu bermakna hak Islam.

"Jadi, hak keistimewaan orang Melayu ialah hak orang Islam di negara ini dan apabila ada pihak cuba menghapuskan hak itu bermakna mereka mencabar Islam," katanya pada perasmian penghayatan amanat ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, anjuran Umno bahagian Peringat, di bangunan Umno negeri, di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa dan Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ahmad Rusli Iberahim.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna turut hairan Pas mendakwa berjuang untuk Islam boleh menyokong supaya hak keistimewaan orang Melayu dihapuskan.

Katanya, jika itulah sikap Pas jelas ia tidak berhasrat membela umat Islam di negara ini.

"Apakah kita (orang Melayu) sedia hapuskan hak kita, kalau kita sedia hapuskan (hak keistimewaan) maknanya malanglah nasib kita," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Muhyiddin berkata Umno tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dalam mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu sekali pun Melayu sendiri menentanginya.

"Hak istimewa orang Melayu adalah hak istimewa orang Islam. Kenapa hak itu tidak boleh dibela Pas. Kenapa mereka (Pas) tak bangkit sekuat mana suara orang Umno, sekuat itu juga Pas pertahankan hak (Melayu).

"Bila sampai ke soal pokok ini (hak keistimewaan orang Melayu) yang sama hak kita, baik dia Pas, Keadilan, Umno tetapi kerana menyentuh hak Melayu sepatutnya tidak ada kompromi.

"Tapi, kerana dia (Pas) lebih politik, dia melihat ini perjuangan Umno bukan perjuangan Pas dan buat tuduhan perjuangan Umno assabiah," katanya.

Ditanya kenyataan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, kerajaan Pas Kelantan bercadang membenarkan wanita di negeri itu menyertai tilawah al-Quran dan sebagai calon wakil rakyat, beliau berkata itu menunjukkan Pas baru belajar.

Malah katanya, secara tidak langsung Nik Abdul Aziz mengakui, segala yang dilaksanakan Kerajaan Pusat dan Umno selama ini mengadakan tilawah al-Quran membabitkan peserta wanita adalah betul.

"Cuma...dia kata dia buat cara lain sikit, tak penting lagu, tapi soalnya musabaqah dan suara (wanita) juga aurat," katanya.

(END)